

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO-
OPERATIVE ORGANIZATION (ACO)

PERASMIAN PERNIAGAAN AR RAHNU
DAN KELANA EMAS KOPUTRA**

CAWANGAN KE 4 DI SETIA ALAM

28 JANUARI 2023 (SABTU)

9.00 PAGI

SETIA GEMILANG

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Keluarga
ANGKASA

[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA PROGRAM]

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT dalam kesempatan yang sangat berharga ini, saya dapat bersama-sama dalam Majlis Perasmian Perniagaan Ar Rahnū dan Kelana

Emas KOPUTRA Cawangan Ke – 4 di Setia Alam pada pagi ini.

2. Sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah kepada barisan kepimpinan dan pengurusan KOPUTRA atas perasmian cawangan baharu ini.

3. KOPUTRA antara koperasi yang produktif dalam melebarkan perniagaan bukan sahaja dalam perniagaan emas dan ar rahnu tetapi juga coopfarmasi dan juga tadika. Tahniah sekali lagi kepada KOPUTRA.

Hadirin yang dihormati sekalian

4. Pembukaan cawangan baharu KOPUTRA untuk perkhidmatan ini langkah yang baik berdasarkan potensi yang ditunjukkan oleh perniagaan ini. Objektif Ar-Rahnu adalah untuk memberi kesedaran dan membebaskan umat Islam daripada belenggu riba, menyediakan kemudahan mikro kredit yang mudah

di samping menyediakan pilihan kepada umat Islam untuk berurusan dengan pajak gadai Islam yang murah dan adil serta memecah monopoli pajak gadai konvensional.

5. Pajak gadai Islam (Ar-Rahnu) dikategorikan sebagai satu skim perkhidmatan gadaian bersifat mikro

kredit yang mempunyai potensi pasaran yang tinggi. Melalui perkembangannya yang positif, Ar-Rahnu mendapat permintaan yang tinggi ke atas kemudahan tunai segera dengan anggaran pasaran bernilai RM3 bilion.

6. Faktor-faktor yang menyumbang kepada pencapaian positif dan prospek Ar-Rahnu ini disebabkan oleh pertumbuhan pesat populasi penduduk, kenaikan taraf ekonomi, peningkatan penggunaan barangan kemas berdasarkan nilai yang sentiasa kukuh, tahap kesedaran yang tinggi mengenai sistem pajak Islam

yang dilihat lebih menguntungkan, adil dan mesra pelanggan.

Hadirin yang dihormati sekalian

7. Perniagaan Ar Rahnū telah dikenal pasti dapat mengubah senario perniagaan koperasi-koperasi di Malaysia. Perniagaan ini memberikan

alternatif kepada pajak gadai konvensional yang terkenal dengan gharar, maisir dan riba'.

8. Walaupun modal awalan yang agak besar, perniagaan Ar Rahnū dilihat mampu bersaing kerana caj perkhidmatannya yang lebih rendah telah menarik minat pelanggan-

pelanggan Islam dan sekarang ini, pelanggan bukan Islam pun telah menunjukkan minat walaupun bilangannya masih lagi kecil.

9. Mereka tertarik apabila mendapati barang-barang emas mereka kekal sama dari segi

timbangan dan dijamin selamat dengan perlindungan takaful.

10. Akhir kata, saya mendoakan KOPUTRA maju jaya dan dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada anggota dan masyarakat.
Sekian terima kasih.